



Received: 2019-11-23

Accepted: 2019-12-04

Published: 2019-12-20

Original Article

Analisis Gender dalam Amalan *Sogit* Masyarakat Murut Tahol di daerah Nabawan, Sabah

Gender Analysis in Sogit Practice among Murut Tahol Community in the District of Nabawan, Sabah

Mastinah Buntung^a & Mohd Anuar Ramli^{a*}

^a Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti of Malaya, Malaysia.

* Corresponding author, email: mohdanuar@um.edu.my

ABSTRACT

This article discusses about *sogit* or sanction which has practiced in Murut Tahol community in the district of Nabawan, Sabah. The aim of the study is to identify the gender issues in *sogit* practices among Murut Tahol community. To collect the data, methods of library research and interviews were carried out toward custom figures and elderly of Murut Tahol. The gathered data were analyzed inductively. The result of study shows there are several sanction in *sogit* practices illustrate the element of bias gender in Murut Tahol community.

Keywords: *sogit*, sanction, Islamic law, gender analysis, Murut Tahol

Pengenalan

Negeri Sabah merupakan negeri yang terkenal dengan kepelbagaian etniknya. Penduduk peribumi Sabah terdiri daripada 72 kumpulan etnik/kaum. Antaranya ialah Murut, Dusun, Rungus, Bajau, Kadazan dan lain-lain lagi. Hasil daripada 72 kaum penduduk peribumi ini, Sabah terserlah sebagai sebuah negeri yang unik, khususnya apabila penduduknya mengamalkan pelbagai bahasa, kebudayaan, kepercayaan dan agama.¹ Seperti kaum lain yang terdapat di Sabah, kaum Murut Tahol juga mempunyai kebudayaan, kepercayaan, adat resam, agama, sistem politik, kawasan petempatan dan warisan seni yang tersendiri.

Secara umumnya, selepas kedatangan agama Islam, kedudukan kaum wanita Murut Tahol tidak jauh bezanya dengan wanita Murut Tahol sebelumnya. Faktor utamanya adalah wujudnya asimilasi adat dalam agama dan keterikatan masyarakat ini dengan Undang-undang Adat (UUA) di bawah kuasa Mahkamah Anak Negeri (MAN). Hal ini menyebabkan praktis agama kurang diterapkan apatah lagi dipraktikkan dalam masyarakat sementelah adat dan budaya masih menebal dalam diri mereka. Namun, tidak dinafikan kedatangan agama terutamanya agama

¹ Mat Zin Mat Kib, "Kumpulan Etnik Kadazan di Sabah: Antara Asas Etnografi atau Agenda Politik," *MALIM-Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 12 (2011), 16.

Islam mahupun Kristian telah mengukuhkan lagi kedudukan wanita Murut Tahol dalam masyarakat ini walaupun dalam beberapa situasi yang lain, wanita Murut Tahol juga tidak terkecuali daripada mengalami bias gender yang lebih memihak kepada golongan lelaki hingga menyebabkan berlakunya marginalisasi, subordinasi dan sebagainya.

Dalam kajian ini, perbincangan tertumpu kepada analisis gender dalam amalan *sogit* yang dipraktikkan oleh masyarakat Murut Tahol di daerah Nabawan, Sabah. Secara literal, *sogit* bermaksud ganti rugi atau pampasan yang berperanan sebagai “penyejuk” dengan cara mengorbankan haiwan untuk menghindarkan ancaman buruk kuasa *ghaib*.² Umumnya, *sogit* ialah bayaran penalti atau denda yang dikenakan ke atas penduduk yang melakukan kesalahan dengan melanggar adat dan peraturan yang telah ditetapkan. Biasanya, *sogit* yang dikenakan dalam bentuk haiwan atau tunai.³

Dalam aspek perkahwinan dengan balu misalnya, balu yang dikahwini sebagai isteri kedua didenda dengan adat *katatakan nu impalu* dan *pangkingan* kepada isteri pertama untuk mengelakkan isteri pertama mendapat nasib yang sama dengannya. Balu tersebut dikenakan *sogit* iaitu dengan memberikan seekor babi berukuran 3 *jangkal* (jengkal)⁴ kepada isteri pertama atau wang tunai sebanyak RM150.00.⁵ Selain itu, dalam etnik Murut Tahol, tempoh berpantang bagi balu ialah 3 bulan manakala lelaki yang kematian isteri tempoh pantangnya adalah 2 bulan. Sekiranya balu ataupun lelaki yang kematian isteri tersebut berkahwin sebelum tamat tempoh pantangnya, maka dikenakan *sogit* ke atasnya. Penebusan *sogit* ini dipanggil adat *antarung*⁶ dan menebusnya dengan membayar seekor babi 3 *jangkal* (jengkal) ataupun RM150.00 kepada bekas keluarga mentuanya dan begitu juga sebaliknya.⁷

Sehubungan itu, kajian ini menfokuskan kepada analisis gender dalam isu berkaitan *sogit* yang diamalkan dalam masyarakat Murut Tahol di daerah Nabawan, Sabah.

Konsep Analisis Gender

Analisis gender adalah proses menganalisis data dan informasi secara sistematis tentang pola hubungan antara lelaki dan wanita dalam sesebuah masyarakat. Pada asalnya, analisis atau pendekatan ini banyak diaplikasi dalam aspek sosiologi dan ekonomi dalam rangka melakukan pemerkasaan terhadap golongan wanita.⁸ Namun begitu, sejak kebelakangan ini, kajian tentang

² Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdur Rahman, “Amalan *Sogit* ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari Perspektif Hukum,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 19 (2018), 2.

³ Lihat: *Customary Laws of the Murut Ethnic Race in The District of Nabawan/Pensiangan Sabah*, (Sabah: The District Native Court Nabawan/Pensiangan, 2008), 10.

⁴ Kadar 1 *jangkal* yang ditetapkan pada tahun 2008 oleh MAN ialah RM30.00. Namun, amanah ini berubah kepada RM50.00 sejengkal relevan dengan peredaran waktu. Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Orang Kaya-Kaya dan Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan, 15 Disember 2016.

⁵ UUA No. 11: *Katatakan Nu Impalu* dan *Pangkingan* (Perkahwinan dengan balu). Lihat: *Customary Laws*, 22.

⁶ Adat *antarung* berlaku apabila lelaki/perempuan (yang telah kematian suami/isteri) melangsungkan perkahwinan sebelum tamat tempoh pantangnya. Lelaki/perempuan ini akan dikenakan *sogit* untuk membebaskan mereka daripada pantang tersebut. *Ibid.*, 14.

⁷ UUA No. 46 & 47: *Antarung*. Lihat: *Ibid.*, 32.

⁸ Mohd Anuar Ramli. “Metodologi Analisis Gender Dalam Hukum Islam,” *Jurnal Syariah*, 21(3), (2013), 259-288.

analisis gender selain bidang sosiologi dan ekonomi juga semakin rancak. Misalnya, analisis gender dalam hukum Islam⁹, pendidikan¹⁰, kesihatan¹¹, bahasa¹² dan lain-lain lagi.

Menurut Mansour, terdapat lima manifestasi ketidakadilan gender iaitu; marginalisasi (proses pemiskinan ekonomi), subordinasi (anggapan tidak penting dalam keputusan), pembentukan stereotaip (pelabelan negatif), kekerasan (*violence*), beban kerja yang lebih panjang dan lebih banyak (*double burden*).¹³ Kriteria-kriteria ini akan menjadi kayu pengukur bagi analisis gender dalam masyarakat Murut Tahol. Dan, sekiranya wujud, apakah status hukum isu-isu gender yang terdapat dalam teks perundangan dan sistem sosial masyarakat Murut Tahol di daerah Nabawan.

Dalam mengkaji isu gender dalam masyarakat ini, perkara pertama yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah meneliti apakah terdapat unsur atau elemen ketidakadilan gender dalam teks perundangan UUA yang diamalkan oleh MAN kemudian menyelusuri sistem sosial masyarakat Murut Tahol khususnya dalam praktis *sogit*. Hal ini sejajar dengan kenyataan Mansour Fakih bahawa manifestasi ketidakadilan gender lazimnya terjadi di dalam negara¹⁴, tempat kerja, organisasi dan sektor pendidikan. Selain itu, ia juga berlaku dalam adat istiadat masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik, tafsiran keagamaan, institusi rumah tangga dan keyakinan yang menjadi pegangan kaum perempuan mahupun lelaki itu sendiri.¹⁵

Oleh itu, pendekatan sosio-hukum Islam¹⁶ digunakan dalam mengenalpasti isu gender dalam sistem sosial masyarakat Murut Tahol di daerah Nabawan, Sabah khususnya dalam praktis *sogit*. Pendekatan ini diaplikasikan dalam mengidentifikasi teks perundangan UUA yang mempunyai elemen-elemen bias gender. Bagi mengukuhkan data berkenaan, temubual akan dijalankan dengan beberapa informan yang juga merupakan pengamal-pengamal adat di Mahkamah Anak Negeri seperti Ketua Daerah (KD), Ketua Anak Negeri (KAN), Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN) dan Ketua Kampung (KK) serta masyarakat Murut Tahol di daerah Nabawan. Dan, seterusnya, menilai status hukum terhadap isu-isu gender yang terdapat dalam praktis *sogit* masyarakat Murut Tahol di daerah Nabawan, Sabah dalam perspektif Islam.

⁹ Mohd Anuar Ramli et al., "Gender Analysis in Contemporary Islamic Discourse," *Asian Social Science*, 9(7), (2013), 62-74; Mohd Anuar Ramli, Ahmad Badri Abdullah & Muhammad Ikhlas Rosele. "Aplikasi Pendekatan Integratif Dalam Kajian Hukum Islam Semasa: Analisis Isu Gender," *Jurnal Islam & Masyarakat Kontemporari*, 17(2), (2018), 80-96.

¹⁰ Saeedah Siraj, "An Analysis of Gender Stereotyping in Malay Language Elementary Reading Textbooks: Implication for Malaysian Education" (Tesis kedoktoran, University of Pittsburgh, 1990).

¹¹ Nurul Ramadhani Makarao, *Gender dalam Bidang Kesihatan* (Bandung: Penerbit Alfabeta, 2009).

¹² Mukhlis Syarifuddin, "Analisis Gender Kata Nama dalam Surah al-Shams" (Disertasi, Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, 2015). Lihat juga: Tan Tek Bing, "Gender dalam Perbualan: Analisis Pengambilan Giliran" (Disertasi, Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, 1997).

¹³ Mohd Anuar Ramli. "Analisis Gender Dalam Hukum Islam," *Jurnal Fiqh*, 9, (2012), 137-162.

¹⁴ Mansour Fakih, *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*, ed. ke-11 (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2007).

¹⁵ *Ibid.*, 23.

¹⁶ Sulistyowati Irianto, "Perempuan di Antara Berbagai Pilihan Hukum (Studi Mengenai Strategi Perempuan Batak Toba untuk mendapatkan Akses kepada Harta Waris melalui Proses Penyelesaian Sengketa)" (Tesis kedoktoran, Universitas Indonesia, 2000); Mohd Norhusairi bin Mat Hussin, "Konsep Sumbangan dalam Penentuan Pembahagian Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah Malaysia: Perspektif Sosio-Perundangan" (Tesis kedoktoran, Akademi Pengajaran Islam Universiti Malaya, 2014), 8.

Latar Belakang Murut Tahol Di Daerah Nabawan, Sabah

Negeri Sabah dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian Pantai Barat, Sandakan, Tawau, Kudat dan Pedalaman.¹⁷ Kedudukan Nabawan, Pensiangan adalah dalam bahagian Pedalaman dan ianya dikelilingi oleh sempadan dengan daerah Tawau dan Kinabatangan di sebelah Timur. Sempadan daerah-daerah Keningau dan Tenom di sebelah barat manakala di sebelah selatan pula berkongsi sempadan antarabangsa dengan Kalimantan, Indonesia.¹⁸ Keluasan daerah ini ialah 6089 kilometer persegi atau 608,909 hektar, yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu hutan simpan, tanah kerajaan dan tanah yang mempunyai hak milik.¹⁹

Etnik Murut dikatakan masyarakat asal yang menduduki kawasan di Pensiangan dan sekitarnya.²⁰ Bahkan, suku kaum ini juga boleh ditemui di daerah dan kawasan lain seperti daerah Nabawan, Kemabong, Tenom, Keningau, Kalabakan, Kinabatangan, Sipitang, Sempadan Kalimantan dan juga Sempadan Sarawak.²¹ Istilah ‘Murut’ bukanlah diperoleh oleh masyarakat itu sendiri tetapi ianya merupakan gelaran yang diberikan oleh pendatang-pendatang luar, khususnya kerajaan kolonial Inggeris. Sebelum masyarakat Murut mempunyai hubungan dengan masyarakat luar, istilah Murut tidak pernah digunakan. Sebaliknya, mereka lebih suka merujuk kepada nama tempat asal orang itu, misalnya, *Ulun Salalir* atau orang Salalir, *Ulun Pensiangan* atau orang Pensiangan, *Ulun Alumbis* atau orang Alumbis dan sebagainya.²²

Etnik Murut mempunyai beberapa pecahan sub etnik iaitu Murut Tahol/Tagal, Murut Nabai, Murut Paluan, Murut Baukan dan Murut Timugon. Masyarakat Murut Tahol kebanyakannya mendiami kawasan di sekitar Sungai Tahol yang terletak di daerah Pensiangan sebelum berpindah ke kawasan-kawasan lain seperti yang ada pada hari ini.²³ Manakala, masyarakat Murut Paluan tinggal di kawasan Dalit Selatan, Murut Baukan mendiami kawasan Tulid dalam Daerah Keningau, dan masyarakat Murut Nabai kebanyakannya tinggal di persekitaran Keningau. Masyarakat Murut Timugon pula mendiami kawasan Melalap di Daerah Tenom dan di tebing Sungai Padas hingga ke Bukau di Daerah Beaufort.²⁴ Walau bagaimanapun, sub-sub etnik ini tidak semestinya berada di satu kawasan sahaja malah, mereka berada di merata tempat bergantung kepada jenis pekerjaan, tempat menuntut ilmu, mengikut pasangan dan sebagainya.

Selain menganut agama Kristian, terdapat juga orang Murut yang menganut agama Islam. Kedatangan dua agama besar ini telah banyak mengubah cara hidup dan pemikiran mereka yang

¹⁷ Lihat: *Sabah Secara Ringkas* (Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Malaysia, Negeri Sabah, 1989), 12.

¹⁸ Zaini Othman, Kntayya Mariappan & Ismail Ali, *Nasionalisme, Etnisiti dan Komuniti Sempadan Negeri Sabah* (Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah, 2010), 37.

¹⁹ Sabah Government, “Lokasi”, laman sesawang *Pejabat Daerah Nabawan*, dicapai 16 November 2016, <http://www.sabah.gov.my/pd.nbw/index.php/profil-daerah/tempat-menarik-popular/18-profil-daerah>

²⁰ Zawiah Ahmad & Suziana Che Wil, *Masyarakat Etnik Sabah dan Sarawak* (Kuala Lumpur: Caberawet Publishing, 2005), 41.

²¹ Mohd Noor Abdullah, *Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976), 23. Lihat juga: Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah 1881-1994* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 27-28.

²² Buntung bin Mansang (Orang Tua masyarakat Murut Tahol Daerah Kecil Pagalungan), dalam temubual dengan pengkaji di Keningau, 04 Ogos 2019.

²³ Normadiah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin, “Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah,” *Kemanusiaan* 24, no. 2 (2017), 60.

²⁴ Siti Aidah Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2007), 13-14.

sebelumnya rata-rata menganut fahaman animisme, amalan minum *tapai*²⁵ secara berlebihan dan amalan pemburuan kepala.²⁶ Dalam statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010 yang telah menunjukkan taburan penduduk Murut yang beragama Islam ialah 18,473 orang manakala orang Murut Tahol yang beragama Kristian ialah seramai 82,105 orang. Ini menunjukkan hanya 18% sahaja suku Murut yang beragama Islam di seluruh Sabah.²⁷ Menurut KAN Asri bin Ullah, peratusan orang Islam di daerah Nabawan pada tahun 2015 ialah 9% sahaja sekaligus menjadikan golongan ini sebagai kelompok minoriti.²⁸

Amalan *Sogit* dalam Adat Perkahwinan Murut Tahol

Terdapat beberapa batasan perkahwinan dalam masyarakat Murut Tahol yang dilarang sama sekali. Larangan ini dapat dikategorikan kepada dua iaitu haram untuk selama-lamanya dan haram sementara kerana perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan (perkahwinan bersyarat). Perkahwinan yang diharamkan untuk selama-lamanya adalah; ibu bapa, bapa/emak saudara, adik-beradik seibu sebaa atau sebaa atau seibu, datuk atau nenek dari sebelah bapa atau ibu (*aki atau aru*), cucu, mertua hingga ke atas (*iwan*) dan menantu.²⁹ Manakala perempuan atau lelaki yang dilarang sementara waktu (perkahwinan bersyarat) ialah sepupu pertama, sepupu kedua dan sepupu ketiga. Biasanya hubungan kekeluargaan yang paling dekat yang dibolehkan dan tidak dikenakan *sogit* dalam masyarakat Murut Tahol ialah sepupu keempat.³⁰ Sekiranya adat ini dilanggar iaitu dengan berkahwin dengan sepupu pertama atau sepupu kedua ataupun sepupu ketiganya, maka lelaki dan perempuan itu akan dikenakan *sogit*. *Sogitnya* ialah dengan membayar seekor kerbau setiap seorang dan membayar penalti sebanyak RM1,000.00.³¹ Selain itu, *sogit* turut dikenakan bagi perlanggaran berikut:

1. Perbuatan Sumbang

Dalam Bahasa Melayu, ‘sumbang’ ini termasuk dalam perbuatan sumbang mahram iaitu mengahwini seseorang yang haram untuk dikahwini. Dalam masyarakat Murut Tahol, perbuatan ‘sumbang’ ini adalah kesalahan besar dan hukuman *sogit* yang dikenakan adalah berat. *Sogit* ini dikenali sebagai *sogit sumbang*. Dalam buku *Customary Laws of the Murut Ethnic Race in the District of Nabawan/Pensiangan Sabah* terdapat adat serta peruntukan *sogit* yang dikenakan berkaitan dalam perkahwinan masyarakat Murut Tahol. Berikut merupakan peruntukan denda (*sogit*) yang dikenakan ke atas perbuatan ‘sumbang’ ini³²:

²⁵ *Tapai* ialah sejenis minuman yang memabukkan bagi masyarakat Murut Tahol. Ia biasanya diperbuat daripada beras atau ubi kayu yang diperam dalam tajau. Lihat: Zaini Mohd Isa, *Kebudayaan dan Adat Resam Kadazan dan Murut* (Kelantan: Pustaka Aman Press, 1969), 88.

²⁶ Fredoly @ Mohd Fitri Azizi (Pembantu Dakwah merangkap Penolong Pendaftar Muallaf Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), dalam temubual dengan pengkaji di JHEAINS Nabawan pada 6 November 2018.

²⁷ Jabatan Perangkaan Malaysia, “Jadual 3.5: Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Agama, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, 2010”, laman sesawang dicapai pada 16 April 2018, http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016_1.pdf, 12.

²⁸ Asri bin Ullah (Ketua Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan pada 2 November 2015.

²⁹ Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri pada 6 November 2017.

³⁰ Hamdan Mohammed, *The Pensiangan Murut: A Brief Study of their Kinship and Marriage Systems* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1974), 36.

³¹ Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri pada 6 November 2017.

³² *Customary Laws of the Murut Ethnic Race in The District of Nabawan/Pensiangan Sabah*, 27-28.

Bil	Perkara	Peruntukan <i>sogit</i> yang dikenakan
25	Perbuatan sumbang antara bapa dengan anak perempuannya sendiri sama ada mengakibatkannya hamil atau tidak.	Hukuman berat iaitu membayar 3 ekor kerbau atau lembu dan tidak dibenarkan berkahwin, serta setahun penjara bagi lelaki dan 6 bulan penjara bagi perempuan. Setiap seorang didenda penalti RM2,500.00 dan dihalau keluar daerah. Jika sekiranya sabit melakukan hubungan ‘sumbang’ tapi perempuan itu tidak mengandung, hukumannya akan dipertimbangkan oleh pihak mahkamah.
26	Perbuatan sumbang antara abang dengan adik perempuannya sendiri seibu sebaiknya sama ada mengakibatkannya hamil atau tidak.	Rujuk penalti No. 25.
27	Perbuatan sumbang antara bapa saudara dengan anak perempuan saudaranya ataupun sebaliknya.	Rujuk penalti No. 25.
28	Perbuatan sumbang antara bapa tiri dengan anak perempuan tiri	Jika sabit bersalah, tertuduh didenda membayar penalti 2 ekor kerbau atau lembu dan tidak dibenarkan berkahwin, serta 6 bulan penjara bagi lelaki manakala perempuan penjara 4 bulan. Setiap seorang didenda penalti RM500.00.
29	Perbuatan sumbang antara suami dengan anak saudara (anak perempuan abang), sama ada mengakibatkannya hamil atau tidak.	Rujuk penalti No. 28.
32	Perbuatan sumbang antara isteri dengan adik/abang ipar (adik beradik suami)	Rujuk penalti No. 26.

Sumber: *Customary Laws of The Murut Ethnic Race in The District of Nabawan/Pensiangan Sabah.³³*

2. Perkahwinan Dengan Balu

Balu yang dikahwini sebagai isteri kedua didenda dengan adat *katatakan nu impalu* dan *pangkingan* kepada isteri pertama untuk mengelakkan isteri pertama mendapat nasib yang sama dengannya. Balu tersebut dikenakan *sogit* iaitu dengan memberikan seekor babi berukuran 3 *jangkal* (jengkal) kepada isteri pertama atau wang tunai sebanyak RM150.00.³⁴

³⁴ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*, 22.

3. Tempoh pantang Balu dan Duda (Kematian isteri)

Tempoh pantang seorang balu dalam masyarakat ini ialah selama 3 bulan. Manakala, bagi lelaki duda yang kematian isteri, tempoh pantangnya ialah 2 bulan sahaja. Sekiranya perempuan yang kematian suami ataupun lelaki yang telah kematian isteri itu berkahwin sebelum tamat tempoh pantangnya, maka dikenakan *sogit* ke atasnya. Pembayaran *sogit* ini dipanggil adat *antarung* dan menebusnya dengan membayar seekor babi ‘3 jangka’ ataupun RM90.00 kepada bekas keluarga mentuanya. Manakala, bagi balu yang berkahwin sebelum tamat tempoh pantangnya, maka dikenakan *sogit* membayar seekor babi ‘5 jangka’ ataupun RM150.00.³⁵ Menurut OKK Sayau @ Mohd Sayuti bin Abdullah, rasional tempoh pantang balu lebih lama dari duda yang kematian isteri ialah kerana balu tersebut memerlukan masa untuk menjaga anak-anak di samping menyesuaikan dirinya yang baru kehilangan suami.³⁶

4. Lapau (curang)

Lapau ialah hubungan sulit antara lelaki yang telah berkahwin dengan perempuan yang telah berkahwin ataupun lelaki yang telah berkahwin dengan perempuan yang masih bujang.³⁷ Perbuatan zina antara lelaki yang berkahwin dengan perempuan yang telah berkahwin akan dikenakan *sogit* iaitu membayar penalti RM3,500.00 dan seekor babi ‘5 jangka’ ataupun wang tunai berjumlah RM250.00 setiap seorang.³⁸ Manakala, bagi perbuatan zina antara lelaki yang telah berkahwin dengan perempuan yang bujang, lelaki dan perempuan tersebut didenda dengan bayaran penalti RM 3500.00 kepada isteri lelaki tersebut. Selain itu, keduanya juga masing-masing membayar *sogit kepanasan* berupa ‘5 jangka’ babi atau RM250.00 kepada ketua kampung lelaki bagi perempuan bujang manakala kepada ketua kampung perempuan bagi lelaki tersebut. Dan, pada masa yang sama membayar RM200.00 kepada Mahkamah Anak Negeri untuk pengurusan tiap seorang. Bagi lelaki tersebut, ianya juga dikehendaki membayar penalti kepada semua anaknya sekiranya mempunyai anak dengan isterinya sebagai *pangkausen* (kekecewaan) mereka terhadap perbuatannya itu.³⁹

5. Perceraian

Jika salah satu pihak ingin bercerai, tuntutan cerai itu akan dikemukakan kepada Ketua Kampung. Sekiranya suami yang menceraikan isteri, segala *berian* tidak akan dituntut semula oleh suami dan harta sepencarian akan dibahagi sama rata. Selain itu, suami juga akan membayar RM50.00 untuk perbelanjaan perceraian dan memberikan nafkah hidup RM120.00 (setiap seorang anak) pada setiap bulan.⁴⁰ Namun, sekiranya isteri yang meminta cerai tanpa sebab, segala *berian* tidak akan dikembalikan dan tidak berhak untuk memperolehi harta sepencarian. Malah, *sogit* akan dikenakan iaitu dengan membayar seekor babi ‘5 jangka’ ataupun RM150.00. Kedua suami isteri berhak terhadap anak-anak dan terserah kepada mereka untuk memilih sama ada tinggal dengan ibu ataupun bapa mereka.⁴¹ Menurut OKK Yaampat bin

³⁵ *Ibid.*, 32.

³⁶ Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri pada 6 November 2017.

³⁷ *Customary Laws of the Murut Ethnic Race in The District of Nabawan/Pensiangan Sabah*, 13.

³⁸ *Ibid.*, 28.

³⁹ Yaampat bin Sampugon @ Zainuddin bin Tahol (Orang Kaya-Kaya dan Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan, 7 Februari 2019. Lihat juga: *Customary Laws of the Murut Ethnic Race in The District of Nabawan/Pensiangan Sabah*, 29.

⁴⁰ *Ibid.*, 35.

⁴¹ *Ibid.*, 36.

Sampugon @ Zainuddin bin Tahol, kadar denda ini bertambah pada tahun 2019 iaitu RM250.00 dan 1 kes telah dilaporkan di Mahkamah Anak Negeri Pensiangan.⁴²

6. Ambangan (Poligami)

Dalam masyarakat Murut Tahol, seseorang lelaki dibenarkan untuk berkahwin lebih dari seorang isteri selagi dia berkemampuan. Untuk mengambil isteri kedua, suami hendaklah meminta keizinan isteri pertama terlebih dahulu dan dikehendaki memberikan seekor lembu atau kerbau kepada keluarga isteri pertama. Isteri juga dihadiahkan dengan beberapa barang kemas, pakaian mewah dan apa sahaja yang dikehendakinya. Ini dikenali sebagai *sogit pampang*. Sekiranya suami berkahwin tanpa keizinan isteri pertama, maka ianya akan didakwa di Mahkamah Anak Negeri.⁴³ Hal ini sama juga apabila suami ingin berkahwin dengan isteri ketiga. Suami perlu bayar *pampang* kepada keluarga isteri kedua dan isteri kedua sendiri. Manakala, keluarga isteri pertama dan isteri pertama tidak perlu dibayar *pampang* oleh suami.⁴⁴

Analisis Gender Dalam Amalan *Sogit*

Sebagai salah satu kelompok masyarakat yang mendominasi negeri Sabah, orang Murut Tahol juga tidak terkecuali daripada memiliki norma dan peraturan tersendiri. *Sogit* yang dikenakan terdiri daripada pelbagai bentuk bergantung kepada tahap dan jenis-jenis kesalahan.⁴⁵ Penebusan *sogit* merupakan permohonan untuk mengelakkan daripada terjadinya bala atau malapetaka ke atas pelakunya selain menjadi pengajaran kepada dirinya dan orang ramai agar tidak melakukan pebuatan yang menyalahi adat pada masa akan datang.⁴⁶ Selain *sogit*, terdapat juga hukuman lain yang ditetapkan oleh Mahkamah Anak Negeri, antaranya ialah ‘denda’⁴⁷, ‘denda adat’⁴⁸ dan juga ‘denda malu’⁴⁹ yang bertujuan untuk menjaga keharmonian komuniti Murut Tahol di daerah Nabawan.

Justeru, pengkaji mendapati bahawa *sogit* yang dikenakan terhadap wanita Murut Tahol agak berat berbanding lelaki khususnya dalam kematian suami, kesalahan zina, perceraian dan sebagainya. Dalam kes yang melibatkan sumbang antara lelaki dan wanita dalam masyarakat Murut Tahol, peruntukan hukuman bagi wanita lebih ringan berbanding lelaki. Asasnya kedua-dua pihak didenda dengan jumlah yang sama tetapi hukuman penjara bagi wanita kurang hanya 6 bulan berbanding lelaki selama setahun bagi kes saudara kandung. Begitu juga bagi saudara tiri, jumlah penjara bagi wanita adalah empat bulan berbanding lelaki 6 bulan.

⁴² Yaampat bin Sampugon @ Zainuddin bin Tahol (Orang Kaya-Kaya dan Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan, 7 Februari 2019.

⁴³ *Customary Laws of the Murut Ethnic Race in The District of Nabawan/Pensiangan Sabah*, 50.

⁴⁴ Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri pada 6 November 2017.

⁴⁵ Lihat: *Customary Laws*, 10.

⁴⁶ Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Orang Kaya-Kaya dan Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan, 2 November 2015.

⁴⁷ ‘Denda’ erti suatu penalti kewangan yang dikenakan oleh Mahkamah selain dari denda adat. Lihat: *Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri 1995 (Undang-undang Adat Anak Negeri)*, 152.

⁴⁸ ‘Denda adat’ ialah suatu penalti yang dikenakan mengikut adat anak negeri atau adat tempatan di daerah di mana Mahkamah itu ditubuhkan. Lihat: *Ibid*.

⁴⁹ ‘Denda malu’ erti suatu pampasan adat berkenaan dengan apa-apa perlanggaran undang-undang adat anak negeri yang berkemungkinan mendedahkan pihak yang terkilan kepada kejatuhan maruah, keaiban, hinaan atau kehilangan kehormatan di hadapan saudara mara atau masyarakat yang kepadanya pihak yang terkilan itu tergolong. Lihat: *Ibid*.

Manakala, dalam kes yang melibatkan perkahwinan seorang balu, balu yang dikahwini sebagai isteri kedua didenda dengan adat *katatakan nu impalu* kepada isteri pertama untuk mengelakkan isteri pertama atau sebelumnya mendapat nasib yang sama dengannya (menjadi balu) di kemudian hari. Hal ini menimbulkan persepsi negatif terhadap balu tersebut dalam kalangan masyarakat. Dan, pada masa yang sama, ianya juga boleh membawa kepada syirik kerana beranggapan balu tersebut seolah-olah membawa nasib yang kurang baik kepada keluarga suami barunya. Namun, menurut OKK Sayau @ Mohd Sayuti bin Tangkap, walaupun adat ini dikenakan kepada balu yang dikahwini sebagai isteri kedua, pembayaran *sogit* berupa barang kemas atau wang ringgit yang senilai dengannya kepada isteri pertama sebagai *katatakan nu impalu* biasanya dilunaskan oleh suami. Ini kerana lelaki tersebut yang mengambil balu itu sebagai isteri kedua.⁵⁰

Dalam kes yang melibatkan wanita Murut Tahol yang berstatus balu, tempoh berpantang bagi balu ialah tiga bulan manakala lelaki yang kematian isteri tempoh pantangnya ialah dua bulan. Sekiranya balu ataupun lelaki yang kematian isteri itu berkahwin sebelum tamat tempoh pantangnya, maka dikenakan *sogit* ke atasnya. Sedangkan dalam kes yang melibatkan *lapau*, iaitu perzinaan antara wanita Murut Tahol dengan lelaki yang berkahwin, hukuman yang dikenakan adalah sama rata, malah wang denda wanita yang berzina akan diberikan kepada isteri lelaki yang berzina tersebut.

Selain itu, bagi kes yang melibatkan perceraian, terdapat elemen marginalisasi atau merugikan kewangan dan pemiskinan ekonomi⁵¹ terhadap wanita Murut Tahol. Keadaan ini berlaku apabila wanita Murut Tahol yang meminta cerai tanpa sebab. Implikasinya, segala *berian* dikembalikan, wanita tiada hak ke atas harta sepencarian, malah *sogit* dikenakan kepada isteri. Ini kerana wanita tersebut telah dibayar *berian* oleh suaminya.⁵² Peruntukan ini lebih berat berbanding lelaki yang memohon perceraian. Namun sekiranya perceraian daripada pihak lelaki, *berian* tidak perlu dikembalikan dan harta sepencarian juga dibahagi sama rata.

Dalam kes yang melibatkan *ambangan* (poligami), wanita Murut Tahol khususnya isteri pertama mendapat bahagian kehartaan yang lumayan. Suami perlu membayar *pampang*, iaitu apa sahaja yang dikehendaki isteri tuanya seperti barang kemas, pakaian mewah, barang berharga malah keluarga isteri akan menerima lembu atau kerbau. Keadaan ini akan memberikan keuntungan ekonomi kepada wanita Murut Tahol.

Di samping itu, dari perspektif hukum Islam, tindakan perlenggaran dalam masyarakat Murut Tahol perlu diteliti dengan cermat kerana ia turut melibatkan orang Murut yang beragama Islam. Bagi kesalahan sumbang mahram dan *lapau* (curang), ianya termasuk dalam jenayah zina dan hukuman sebat/rejam dengan batu dikenakan bagi pesalah zina yang sabit. Manakala dalam berpantang, tiada peruntukan khusus bagi lelaki untuk melaksanakan pantang kerana tempoh iddah adalah bagi menjaga kesucian rahim bagi wanita. Begitu juga aspek perceraian. Biasanya wanita akan mendapat peruntukan harta sepencarian dalam takat sumbangan yang diberikan. Namun begitu, dalam amalan poligami, praktis *pampang* merupakan dinamisme adat Murut Tahol yang mesra wanita. Dan, ianya juga adalah bentuk

⁵⁰ Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Orang Kaya-Kaya dan Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan, 6 November 2017.

⁵¹ Mohd Anuar Ramli, "Analisis Gender Dalam Hukum Islam," Jurnal *Fiqh*, 9, (2012), 137-162.

⁵² Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Orang Kaya-Kaya dan Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan, 6 November 2017.

penghargaan terhadap isteri tua yang mengizinkan poligami di samping bentuk jaminan kehartaan untuk meneruskan kehidupan fasa poligami.

Penutup

Tuntasnya, adat tumbuh dan berkembang dalam masyarakat. Kewujudan adat adalah sebagai peraturan bagi menjaga keharmonian hidup bermasyarakat. Dengan itu, hukuman atau *sogit* berkait rapat dengan peruntukan yang ditetapkan oleh Mahkamah Anak Negeri. Peraturan-peraturan ini digubal untuk menjaga masyarakat Murut Tahol daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang tidak diingini seperti *lapau*, perbuatan sumbang dan sebagainya. Namun, seiring dengan kehidupan yang makin maju, kadar peruntukan *sogit* ini juga mengalami perubahan iaitu dengan meningkatnya kadar *sogit* yang perlu dibayar oleh pesalah agar sentiasa relevan dengan peredaran masa.

Jelasnya, isu gender yang terdapat dalam sistem sosial etnik Murut Tahol melibatkan mereka yang beragama Islam ataupun bukan Islam. Terdapat peruntukan *sogit* yang memberikan kelebihan kepada kaum wanita, dan begitu juga sebaliknya. Sewajarnya, mereka yang beragama Islam perlulah mengelakkan diri daripada terlibat dengan kesalahan sumbang dan *lapau* kerana ia adalah jenayah berat dalam Islam. Justeru, mana-mana adat atau *sogit* yang bercanggah dengan hukum Islam perlu diharmonikan dengan panduan Shariah agar kehidupan masyarakat Murut Tahol yang beragama Islam selari dengan tuntutan Syarak.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bawah geran PG225-2015B, “Analisis Gender Dalam Sistem Sosial Masyarakat Murut Tahol Di Daerah Nabawan, Sabah Menurut Perspektif Hukum Islam”.

Rujukan

- Customary Laws of The Murut Ethnic Race in The District of Nabawan/Pensiangan Sabah, Sabah: The District Native Court Nabawan/Pensiangan*, 2008.
- Hamdan Mohammed, *The Pensiangan Murut: A Brief Study of their Kinship and Marriage Systems*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1974.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, “Jadual 3.5: Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Agama, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, 2010”, laman sesawang dicapai pada 16 April 2018, http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016_1.pdf.
- Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri 1995 (Undang-undang Adat Anak Negeri)*, 152.
- Mansour Fakih, *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*, ed. ke-11, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2007.
- Mat Zin Mat Kib, “Kumpulan Etnik Kadazan di Sabah: Antara Asas Etnografi atau Agenda Politik,” *MALIM-Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 12 (2011), 16.
- Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

- Mohd Anuar Ramli, Ahmad Badri Abdullah, Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Roslan Mohd Nor, Mohamad Zaid Mohd Zin, Ahmad Faisal Mahdi & Zalina Ibrahim, "Gender Analysis in Contemporary Islamic Discourse", *Asian Social Science*, 9(7), 2013, 62-74.
- Mohd Anuar Ramli, Ahmad Badri Abdullah & Muhammad Ikhlas Rosele. "Aplikasi Pendekatan Integratif Dalam Kajian Hukum Islam Semasa: Analisis Isu Gender". *Jurnal Islam & Masyarakat Kontemporari*. 17(2), 2018, 80-96.
- Mohd Anuar Ramli. "Analisis Gender Dalam Hukum Islam". *Jurnal Fiqh*, 9, 2012, 137-162.
- Mohd Anuar Ramli. "Metodologi Analisis Gender Dalam Hukum Islam". *Jurnal Syariah*. 21(3), 2013, 259-288.
- Mohd Noor Abdullah, *Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.
- Mohd Norhusairi bin Mat Hussin, "Konsep Sumbangan dalam Penentuan Pembahagian Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah Malaysia : Perspektif Sosio-Perundangan" Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2014.
- Mukhlis Syarifuddin, "Analisis Gender Kata Nama dalam Surah al-Shams" (disertasi, Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, 2015). Lihat juga: Tan Tek Bing, "Gender dalam Perbualan: Analisis Pengambilan Giliran", Disertasi, Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, 1997.
- Normadiah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin, "Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah," *Kemanusiaan* 24(2), 2017, 59-88.
- Nurul Ramadhani Makarao, *Gender dalam Bidang Kesihatan*. Bandung: Penerbit Alfabeta, 2009.
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail, & Narizan Abdur Rahman. "Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam Di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari Perspektif Hukum". *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 19 (2018), 1-17.
- Sabah Government, "Lokasi", laman sesawang *Pejabat Daerah Nabawan*, dicapai 16 November 2019, <http://www.sabah.gov.my/pd.nbw/index.php/profil-daerah/tempat-menarik-popular/18-profil-daerah>
- Sabah Secara Ringkas*. Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Malaysia, Negeri Sabah, 1989.
- Saeedah Siraj, "An Analysis of Gender Stereotyping in Malay Language Elementary Reading Textbooks: Implication for Malaysian Education", Tesis kedoktoran, University of Pittsburgh, 1990.
- Siti Aidah Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2007.
- Sulistiyowati Irianto, "Perempuan di Antara Berbagai Pilihan Hukum (Studi Mengenai Strategi Perempuan Batak Toba untuk mendapatkan Akses kepada Harta Waris melalui Proses Penyelesaian Sengketa)", Tesis kedoktoran, Universitas Indonesia, 2000.
- Zaini Othman, Kntayya Mariappan & Ismail Ali, *Nasionalisme, Etnisiti dan Komuniti Sempadan Negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2010.

Zawiah Ahmad & Suziana Che Wil, *Masyarakat Etnik Sabah dan Sarawak*. Kuala Lumpur: Caberawet Publishing Sdn. Bhd, 2005.

Temubual

Asri bin Ullah (Ketua Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan pada 2 November 2015.

Buntung bin Mansang (Orang Tua masyarakat Murut Tahol Daerah Kecil Pagalungan), dalam temubual dengan pengkaji di Taman Bersatu, Keningau, 1 November 2015.

Fredoly @ Mohd Fitri Azizi (Pembantu Dakwah merangkap Penolong Pendaftar Muallaf Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), dalam temubual dengan pengkaji di JHEAINS Nabawan pada 2 November 2018.

Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Orang Kaya-Kaya dan Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan, 2 November 2015.

Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Orang Kaya-Kaya dan Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan, 15 Disember 2016.

Sayau bin Tangkap @ Mohd Sayuti bin Abdullah (Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri pada 6 November 2017.

Yaampat @ Zainuddin bin Tahol (Orang Kaya-Kaya dan Ketua Daerah Nabawan merangkap Ketua Mahkamah Anak Negeri Nabawan), dalam temubual dengan pengkaji di Mahkamah Anak Negeri Nabawan, 7 Februari 2019.